

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

PDP 476 - Kaedah Mengajar Geografi

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab mana-mana EMPAT soalan.

Tiap-tiap soalan mempunyai nilaitara markah yang sama.

1. Jelaskan bagaimana mata pelajaran Geografi melengkapkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima dengan pemahaman dan kemahiran asas Geografi serta nilai-nilai kemanusiaan bagi menyediakan pelajar hadapi cabaran hidup ke arah mewujudkan kesejahteraan diri dan masyarakat. Bincang, dengan merujuk kepada matlamat dan organisasi aspek-aspek kognitif, intelek, afektif dan psikomotor dalam Kurikulum Geografi Sekolah Menengah.
2. Bincangkan konsep kesepaduan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang menekankan asas-asas pengajaran pembelajaran seperti pemerolehan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran, serta pemupukan dan penerapan nilai-nilai intrinsik mata pelajaran Geografi. Gunakan contoh-contoh yang spesifik dari Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah (Tingkatan 1 - 5 ) bagi menguatkan lagi hujah anda.
3. Bagaimanakah seorang guru Geografi dapat menilai sejauhmana pelajar-pelajarnya telah memiliki ciri-ciri kognitif, intelek, afektif dan psikomotor yang diinginkan dalam mata pelajaran Geografi. Bincang, dengan merujuk kepada Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).
4. Pilih satu tajuk dari Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah dan rancang bagaimana ianya dapat diajar untuk memupuk pengetahuan dan kemahiran yang asas dan mudah di Tingkatan Satu, serta memperkukuhkan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di Tingkatan Empat. Bincangkan, dengan merujuk kepada hirarki perkembangan mental pelajar-pelajar serta pemerinkatan kandungan pelajaran Geografi dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

5. Berdasarkan pengalaman Pendedahan Latihan Mengajar (PLM) anda selama empat minggu di Tingkatan Satu dan/atau Dua, bincangkan masalah-masalah pembelajaran pelajar yang perlu dipertimbangkan oleh seorang guru Geografi yang merancang melibatkan pelajar-pelajar di dalam pengajaran pembelajaran yang berkesan.
  
6. Pilih sama ada kaedah KERJA LUAR atau PERBINCANGAN dan terangkan bagaimana kaedah ini membantu pelajar-pelajar Tingkatan Empat menguasai isi kandungan, menyelesaikan masalah, memperkembangkan kemahiran, serta mengubah sikap dan nilai.

--- ooooo000oooo ---